

05 MAR 2002  
Adnan-Ketari  
CALON GERAKAN TANDING KERUSI KETARI, KATA ADNAN

KUANTAN, 5 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan meletakkan calon dari Parti Gerakan Rakyat Malaysia untuk bertanding bagi mengisi kerusi Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Ketari ekoran kematian penyandanganya Datuk Loke Koon Kam Ahad lepas.

"Ikut tradisinya mesti dari Gerakan, tetapi MCA dan Umno serta parti komponen BN yang lain mesti tolong," kata Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob kepada pemberita selepas menyampaikan biasiswa sekolah rendah Yayasan Pahang di sini hari ini.

Adnan berkata nama calon itu akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Loke, 59, yang juga pengerusi parti Gerakan Pahang, meninggal dunia akibat barah rahang. Beliau menjadi Anggota Dewan Undangan Negeri sejak 1986.

Pada pilihan raya lepas pada 1999, beliau menewaskan calon DAP Choong Siew Onn dengan majoriti 231 undi.

Adnan berkata beliau telah beberapa kali bertemu dan berhubung melalui telefon sebelum ini dengan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bagi membincangkan soal bakal calon itu.

Ketika ditanya mengenai persiapan jentera BN Pahang bagi menghadapi pilihan raya kecil itu, beliau berkata ia bekerja keras bagi memastikan kebajikan penduduk dan pengundi kawasan Ketari sentiasa terjaga.

-- BERNAMA

MS MAI